

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005



Oleh: Imelia Laura Daneil

Kursus Standard ISO & COPIA, Pengauditan dan PRO-PENS telah dijalankan di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada 11 hingga 12 April 2018 bertempat di Bilik Seminar Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP). Kursus Standard ISO & COPIA mensasarkan seramai 45 penyertaan daripada kalangan staf bukan akademik dan staf akademik bagi memberikan gambaran lebih jelas tentang pelaksanaan proses pengauditan. Seramai tiga orang penceramah telah dijemput dari UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan untuk memberikan kursus kepada semua warga kampus Mukah iaitu Encik Yussri Sawani selaku Ketua Unit Kualiti, Cik Dayang Nazari selaku Ketua Sistem Audit dan Dr. Norlina Mohamed Noor selaku Pengerusi PRO-PENS UiTM Cawangan Sarawak. Pada hari kedua kursus, 12 April 2018, Dr. Norlina Mohamed Noor memberikan taklimat tentang proses pelaksanaan PRO-PENS kepada semua pensyarah di Kampus Mukah. Moga dengan pendedahan ini, akan dapat membantu Kampus Mukah dalam pelaksanaan prosedur kerja dengan lebih efektif dan berkesan.

KURSUS TRANSFORMASI PEMIMPIN PELAJAR

Oleh: Muktarrudin Bin Sirat

Pejabat Am Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kampus Samarahan 2 telah menganjurkan Kursus Transformasi Pemimpin Pelajar di Kem Belia Pueh, Sematan pada 11 hingga 13 Mei 2018 yang lalu. Ia ini merupakan salah satu platform kepada para pelajar untuk menjadi calon pemimpin fakulti masing-masing dalam pilihanraya kampus akan datang. Program ini telah dihadiri seramai 71 orang pelajar yang terdiri daripada 21 orang peserta lelaki dan 50 orang peserta perempuan.

Antara pengisian yang disediakan sepanjang kursus ini ialah taklimat seperti Pengendalian Aktiviti Pelajar, Akta 174 & Undang-Undang Pelajar, Personaliti, Etika & Ketrampilan Pemimpin, Protokol & Pengendalian Majlis serta Peranan & Tanggungjawab Pemimpin Pelajar. Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan aktiviti-aktiviti LDK (Latihan dalam Kumpulan) dan Team Building bagi mencungkil sifat kepimpinan dalam diri mereka. Kursus ini telah mendapat kerjasama dari pihak jurulatih Kem Belia Pueh yang diketuai oleh Encik Joll Bin Haji Aee, serta dibantu oleh beberapa orang Majlis Perwakilan Pelajar bagi memastikan kursus ini berjalan lancar.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar iaitu Profesor Madya Wan Akil Tuanku Abdullah. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Puan Atikawati Ahmad Razali, Penolong Pendaftar Kanan (HEP) dan Encik Kaspuani Bin Baie, Pemangku Pengetua Kem Belia Pueh Sematan.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**